

# Malaysia perlu bersedia hadapi status negara tua

**Kuala Lumpur:** Malaysia perlu bersedia untuk menghadapi 'negara tua' menjelang 2030 dengan memastikan setiap pelaksanaan tindakan, perancangan dan reka bentuk dalam perancangan nasional memenuhi keperluan itu.

Pengarah Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing) Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Tengku Aizan Hamid berkata, ketika ini

negara mempunyai polisi dalam berhadapan perkara itu, tetapi pelaksanaannya terlalu perlahan.

Tengku Aizan berkata, secara dasarnya Malaysia masih belum bersedia berhadapan dengan negara tua kerana banyak infrastruktur termasuk pekerjaan, pendidikan dan simpanan kewangan belum berada di tahap terbaik.

"Ketika ini umur persaraan wajib adalah 60 ta-

hun dan jika kita berganjak ke negara tua, adakah masih mahu menggunakan usia persaraan wajib itu.

"Ada kajian yang menyatakan jika umur persaraan wajib itu dipanjangkan lagi, ia sebenarnya tidak menjejaskan peluang pekerjaan kepada golongan muda. Malah banyak negara maju tiada umur persaraan wajib seperti yang diaplikasikan di sini," katanya kepada **Bisnes**, semalam.

# BISNES

TEL 1-300-22-6787 **SAMB** 4979

**TWITTER** bisnesHM



**“Banyak negara maju tiada umur persaraan wajib seperti di sini Dr Tengku Aizan”**